

# LAMPIRAN PEMBERITAHUAN PRODUK

Pelanggan yang dihormati,

Lampiran Pemberitahuan Produk ini memberikan maklumat penting mengenai insurans jaminan pekerja asing anda.

Liberty General Insurance Berhad  
197801007153 (44191-P)

Pelanggan lain telah membaca Lampiran Pemberitahuan Produk ini dan mendapati ia bermanfaat; **anda juga patut membacanya.**

Tarikh: 12/2025

## 1 Apakah Insurans Jaminan Pekerja Asing?

Insurans Jaminan Pekerja Asing ini bertindak sebagai satu jaminan kepada jabatan Imigresen untuk melindungi perbelanjaan penghantaran pulang sekiranya pekerja anda dikehendaki oleh pihak berkuasa untuk dihantar pulang ke negara asal mereka semasa mereka tinggal di Malaysia.

## 2 Ketahui Perlindungan Anda

**Sebagai ilustrasi**, dengan pembayaran **RM50.00** [setahun], anda akan menerima **perlindungan** seperti berikut jika warganegara pekerja anda adalah Indonesia:

Polisi ini <b>melindungi</b> :	Polisi ini <b>tidak melindungi</b> :
<ul style="list-style-type: none"><li>Perbelanjaan Penghantaran Pulang – <b>RM250</b></li></ul> <p><b>Nota:</b> Jumlah premium yang anda perlu bayar berbeza-beza bergantung kepada kewarganegaraan pekerja.</p>	<ul style="list-style-type: none"><li>Tidak melindungi pembantu rumah asing.</li></ul>

**Nota:** Senarai ini **tidak lengkap**. Sila rujuk kontrak polisi untuk melihat keseluruhan maklumat polisi ini.

Tempoh perlindungan ditetapkan oleh Jabatan Imigresen, bergantung kepada permit kerja, sama ada 13 bulan, 18 bulan atau 26 bulan. Anda perlu membeli jaminan Baharu selepas memperbaharui permit perkerja anda.

Liberty General Insurance Berhad adalah ahli PIDM. Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah polisi yang layak ini adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Liberty General Insurance Berhad atau PIDM (layari [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)).

Liberty General Insurance Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

**Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan berkaitan perlindungan insurans anda, anda boleh:**



Hubungi kami di  
1 800 88 3833



Layari kami di  
[www.kurnia.com](http://www.kurnia.com)



Emel kami di  
[customer@kurnia.com](mailto:customer@kurnia.com)



Imbas kod  
QR di atas

### 3 Ketahui Kewajipan Anda

Untuk insurans ini berdasarkan ilustrasi, anda mesti membayar premium berikut:	
Perlindungan Asas	RM50.00
(+) Perlindungan Tambahan	Tidak Berkenaan
<b>Premium Kasar</b>	<b>RM50.00</b>
Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut:	
(+) 8% Cukai Perkhidmatan	RM4.00
(+) Duti Setem	RM10.00
<b>Jumlah Premium Perlu Dibayar</b>	<b>RM64.00</b>
Di mana ini termasuk:	
Komisen	10% daripada Premium Kasar atau <b>RM5.00</b>
<b>Nota:</b>	
<ul style="list-style-type: none"><li>Ini adalah ilustrasi. Jumlah premium yang perlu anda bayar mungkin berbeza bergantung pada perlindungan polisi anda, tahap pendedahan risiko, serta kriteria pengunderaitan Liberty General Insurance Berhad.</li><li>Kadar Cukai Perkhidmatan adalah tertakluk kepada kadar semasa yang dikenakan oleh Kerajaan Malaysia.</li></ul>	

### 4 Terma-Terma Utama Lain

<ul style="list-style-type: none"><li>Kewajipan pendedahan: Anda mesti mendedahkan semua fakta material yang diketahui atau patut diketahui, yang akan menjejaskan pertimbangan pengunderaitan kami terhadap cadangan anda, seperti insurans dan sejarah kerugian anda. Anda mesti mendedahkan semua fakta yang relevan dengan jujur dan lengkap dalam borang permohonan insurans anda.</li><li>Perubahan Risiko: Anda mesti memaklumkan kepada kami tentang sebarang perubahan material sepanjang tempoh polisi. Ini bagi memastikan pindaan yang diperlukan boleh dibuat dan didokumenkan dalam polisi insurans anda.</li><li>Anda mesti memastikan semua butiran mengenai pekerja asing anda diisi dengan lengkap dan tepat.</li><li>Anda perlu memaklumkan kepada kami mengenai pejabat imigresen di mana anda memohon permit kerja.</li></ul>
<b>Nota:</b> Senarai ini <b>tidak lengkap</b> . Anda digalakkan untuk merujuk polisi untuk senarai penuh terma dan syarat.

### ? Bolehkah saya batalkan polisi saya?

- Tidak boleh, sekiranya jaminan insurans telah diserahkan kepada Jabatan Imigresen.
- Boleh, sekiranya jaminan insurans belum diserahkan kepada Jabatan Imigresen dan jaminan insurans asal dikembalikan kepada kami untuk pembatalan, premium akan dibayar balik setelah ditolak Duti Setem.
- Untuk maklumat sepenuhnya mengenai bayaran balik pembatalan, sila rujuk kepada kontrak polisi.